

PENYERTAAN BELIA DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN KEROHANIAN DI MALAYSIA

(*YOUTH PARTICIPATION IN THE SPIRITUALITY DEVELOPMENT PROGRAM IN MALAYSIA*)

Nik Safiah Nik Abdullah¹
Selamah Maamor²
Norazlina Abd Wahab³

Abstract

Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana penyertaan belia dalam program pembangunan kerohanian yang dijalankan di Malaysia. Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada seramai 4,703 orang golongan belia yang berusia di antara 15 hingga 40 tahun daripada pelbagai bangsa, agama dan latar belakang di seluruh Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan kaedah persampelan rawak berstrata. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif, ujian-t dan ujian analisis varians (ANOVA). Hasil dapatan kajian menunjukkan penyertaan belia Malaysia dalam program pembangunan kerohanian berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 7.70 daripada 10. Tahap penyertaan belia juga didapati berbeza mengikut kategori jantina, etnik, agama, kategori sekolah rendah dan menengah, kelayakan akademik tertinggi dan status dalam program pembangunan kerohanian. Namun, tahap penyertaan belia ini masih mempunyai ruang untuk ditingkatkan. Ini kerana program pembangunan kerohanian sepatutnya disertai oleh lebih ramai belia Malaysia kerana program ini disasarkan khusus kepada belia. Pihak penganjur program perlu melaksanakan program-program yang lebih mesra belia dan sesuai dengan generasi Y untuk menarik minat mereka.

Katakunci: *tahap penyertaan, program pembangunan kerohanian, belia Malaysia*

Abstract

This study was conducted to see how far the youth participation in the spirituality development program that were undertaken in Malaysia. This quantitative research was conducted using a survey method through questionnaires distributed to a total of 4,703 youths aged between 15 until 40 years from all races, religions and backgrounds throughout Malaysia. This study applies a systematic stratified random sampling and the data obtained was analyzed using descriptive statistics test, t-test and analysis of variance (ANOVA). The result showed that the level of youth participation in the spirituality development program in Malaysia is considered

¹ Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah. Tel: +60166517759 E-mail: nik_safiah@oya.uum.edu.my

² Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah. Tel: +60194480666 E-mail: selamahm@uum.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah. Tel: +60134885666 E-mail: norazlina.aw@uum.edu.my

high with mean is 7.70 out of 10. The participation level of youth was also found to differ according to category of gender, ethnic, religion, category of primary school, category of secondary school, highest academic qualification and status towards spirituality development program. However, the level of this youth participation is still room for improvement. It is because spirituality development program should be accompanied by more Malaysian youths because this program specifically targeting the youth. The organizers of program should implement the program more youth-friendly and suitable with the generation Y to attract them.

Keywords: *participation level, spirituality development program, Malaysian youth*

2017 GBSE Journal

Pengenalan

Elemen kerohanian sering kali dipandang remeh oleh pelbagai pihak dalam memperkasakan pembangunan belia Malaysia. Kelompangan elemen kerohanian dalam jiwa menjadi punca kepada segala kemelut isu sosial dalam masyarakat. Justeru, elemen kerohanian memainkan peranan penting dalam usaha mencegah perbuatan salah laku dan gejala negatif dalam kalangan belia (Mohamad A'sim, 2014). Kerohanian adalah sifat rohaniah yang lebih menjurus kepada kepercayaan seseorang terhadap takdir dan ketentuan Tuhan. Antaranya pengembangan pengetahuan rohani, penyucian kehidupan, ketabahan hati yang mantap, kejujuran, kedermawan, ketenangan, kebebasan dari rasa takut, kesukarelawan, bijak mengawal diri, kesederhanaan, tidak melakukan kekerasan, kebebasan dari amarah, pembebasan dari sifat tamak, tidak mencari-cari kesalahan, kasih sayang terhadap semua makhluk hidup, kebebasan dari rasa iri hati dan sifat terlalu ingin dihormati, sifat lembut, sifat malu, kekuatan, mudah mengampuni dan menjaga kebersihan (Nadya Shaffinaz, 2013). Maka, salah satu alternatif untuk melahirkan sifat kerohanian dalam kalangan belia adalah melalui penyertaan di dalam program pembangunan kerohanian.

Program pembangunan kerohanian merupakan suatu aktiviti yang mampu membina jati diri yang mantap serta sahsiah dan keperibadian yang mulia melalui peningkatan nilai kerohanian dan perkembangan emosi yang sempurna sekiranya dilaksanakan sejajar dengan keperluan golongan belia (Syarifah Nooraida & Sharifah Fatimah, 2011). Oleh itu, program pembangunan kerohanian di dalam kajian ini adalah merujuk kepada sebarang aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak tertentu bertujuan melahirkan sifat kerohanian kepada peserta seterusnya dapat membuat perubahan sikap dan tingkah laku ke arah yang lebih positif. Dengan melahirkan sifat kerohanian dalam diri belia, secara tidak langsung seseorang belia ini akan menjadi lebih matang dalam menilai setiap perkara di sekeliling kehidupan mereka sebelum menentukan arah keputusan dalam meneruskan perjalanan kehidupan. Malah setiap unsur negatif yang berada di depan mata dapat ditepis daripada mempengaruhi kehidupan mereka untuk menjadi belia yang positif (Nadya Shaffinaz, 2013). Walau bagaimanapun, sifat-sifat rohaniah seharusnya diamalkan secara konsisten. Maka, program pembangunan kerohanian adalah salah satu saluran kepada golongan belia untuk meningkatkan sifat-sifat kerohanian dalam diri masing-masing supaya dapat membentuk insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah.

Menyentuh tentang belia merupakan aset penting dalam sesebuah negara dan mewakili golongan yang akan menentukan jatuh bangunnya sesebuah negara di masa hadapan. Golongan yang membentuk populasi terbesar dalam kalangan penduduk Malaysia ini mempunyai

kekuatan yang amat bermakna jika diuruskan sebijaknya (Aini & Anita, 2014). Dasar Pembangunan Belia Negara (1997) mentakrifkan belia adalah mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun dari segi strategi pelaksanaan program dan orientasi aktiviti, tumpuan utama ialah mereka yang berumur antara 18 hingga 25 tahun. Golongan belia memainkan tanggungjawab dan peranan yang amat besar terhadap agama, masyarakat, bangsa dan negara untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara yang mampan. Peranan belia bukan sekadar menuntut ilmu, membina kerjaya atau melakukan aktiviti-aktiviti bagi memenuhi masa senggang dan hobi sahaja tetapi warga belia sepatutnya turut sama menyumbang idea, masa dan tenaga ke arah pembangunan belia untuk menjadi sebuah bangsa yang dihormati dan disegani di persada dunia (Mohd Zawawi, 2014).

Maka, persoalan berkaitan golongan belia merupakan suatu topik perbincangan yang serius dan memerlukan keprihatinan yang tinggi oleh semua pihak yang terlibat dengannya. Amat menyedihkan apabila fakta menunjukkan golongan belia Melayu adalah yang paling ramai terlibat dengan najis dadah (Aini & Anita, 2014). Menurut laporan dari Faizatul Nadia (Utusan Online, 2014), berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) mencatatkan bahawa pertambahan sebanyak 5,305 kes juvana iaitu 3,399 kes pada tahun 2012 dan 8,704 kes pada tahun 2013. Hal ini juga seperti mana yang dilaporkan di media massa (Utusan Online, 2011), penglibatan golongan remaja berusia antara 15 hingga 20 tahun dalam kegiatan jenayah dilihat semakin membimbangkan apabila indeks jenayah pembabitannya mereka kini mengalami peningkatan yang drastik.

Hasil kajian lepas juga mendapati program-program kerohanian kurang mendapat sambutan yang mana kehadiran belia boleh dikatakan sebagai bermusim dan tidak konsisten (Mohd Isa, Mohd Aliff, Jamil, Ab Halim, Amirah dan Nurul Pasihah, et al., 2012). Ini mungkin dipengaruhi oleh situasi di mana ianya berpunca daripada belia yang mempunyai tahap kesedaran yang kurang memberangsangkan atau juga berpunca dari kelemahan pihak pengurusan program bagi mencapai matlamat penganjuran program tersebut. Oleh kerana itulah, penyelidik berminat untuk melihat sejauhmana tahap penyertaan golongan belia dalam program pembangunan kerohanian di Malaysia.

Sorotan Kajian

Berdasarkan kajian oleh Baharin, Aminatuzuhariah, Mohd Farhan dan Norsamsiah (2008) mendapati majoriti pelajar berminat untuk menghadiri program kerohanian yang diadakan. Kajian mereka yang dijalankan bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar IPTA terhadap pelaksanaan program-program kerohanian dari aspek persediaan, penerimaan, kesedaran dan keberkesanan program tersebut turut membuktikan bahawa kebanyakan pelajar IPTA menyedari akan pentingnya program kerohanian dalam proses pembangunan insan bagi melahirkan graduan muslim yang cemerlang sahsiahnya. Selain itu, hasil daripada kajian mereka juga mendapati pendorong untuk menghadiri program kerohanian adalah lebih banyak bergantung kepada individu itu sendiri (77.6%), diikuti dengan faktor rakan-rakan (32.8%), ibubapa (18.7%) dan lain-lain (2.6%).

Sementara itu, hasil kajian yang dijalankan oleh Sharifah Nooraida dan Sharifah Fatimah (2011) untuk meninjau keperluan pelaksanaan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih muslimah di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Batu Lintang mendapati bahawa guru pelatih sangat memerlukan aktiviti-aktiviti kerohanian seperti bacaan *Yasin*, amali Fardhu Ain

(solat jenazah), tazkirah, santapan rohani (*usrah*), amali Fardhu Ain (projek sembelihan), *ta'lim* (selepas Maghrib, Isyak dan Subuh), tahlil dan forum terutamanya dalam mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Selain itu, majalah-majalah keagamaan yang terdapat di perpustakaan turut menyumbang kepada pembentukan kerohanian dalam diri guru pelatih.

Seterusnya, kajian oleh Tutasting @ Rawi, Hasan dan Abdul Hadi (2002) terhadap penglibatan belia dalam kegiatan keagamaan di negeri Melaka turut mendapati program yang paling menarik minat golongan belia ialah majlis membaca yaasin dan tahlil. Manakala, program yang kurang diminati ialah kursus perkahwinan. Hasil kajian mereka juga mendapati walaupun belia menunjukkan minat menghadiri aktiviti-aktiviti keagamaan yang dianjurkan, tetapi masih ramai di kalangan mereka tidak mengikuti kegiatan tersebut kerana kegiatan yang dianjurkan tidak menarik minat golongan belia dan kegiatan tersebut bermusim, kadang kala tidak sesuai dengan masa dan jiwa belia.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian oleh Mohd. Mahzan, Sayuti, Che Pee dan Md. Sabdi (2008) mendapati ramai remaja tidak mengambil berat dan tidak mengambil peduli terhadap perkembangan syiar Islam dan aktiviti kerohanian di surau. Melalui kajian mereka berkaitan peranan surau sebagai institusi sosial ke arah pembangunan insan di Institusi Pengajian Tinggi, turut mendapati para remaja tidak merasa terikat dengan surau. Begitu juga hasil kajian oleh Suhana dan Osman (2002) mendapati beberapa faktor yang menyebabkan kesuraman aktiviti kerohanian di kalangan siswi Muslim di Kolej Tun Razak adalah seperti kemudahan surau yang kurang memuaskan, pemberitahuan tentang aktiviti kerohanian yang tidak disampaikan dengan baik dan siswi lebih berminat untuk melakukan ibadah secara individu. Kajian yang dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia ini merangkumi aspek penglibatan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan, program dan aktiviti yang diadakan, kemudahan-kemudahan yang disediakan serta harapan siswi Muslim terhadap aktiviti kerohanian di kolej mereka.

Metodologi

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah borang soal selidik sebagai instrumen kajian bagi mencapai objektif kajian dalam bentuk kuantitatif. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian '*Statistical Package for the Social Science*' (SPSS) melalui ujian deskriptif, ujian-t dan ujian analisis varians (ANOVA). Populasi kajian ini adalah belia Malaysia yang berusia antara 15 hingga 40 tahun merangkumi hampir 50% (14 juta) daripada jumlah penduduk Malaysia (Indeks Belia Malaysia, 2015). Setelah mendapat khidmat nasihat daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Rangka Persampelan Isi Rumah Kebangsaan (RPIK) digunakan untuk memastikan rangka persampelan mewakili populasi nasional. Kaedah pemilihan sampel adalah menggunakan Blok Pensampelan (BP) berdasarkan Banci Penduduk 2010. Berdasarkan perbincangan dengan pegawai di Jabatan Perangkaan Malaysia, sebanyak 750 BP telah dipilih yang mana setiap BP terdiri daripada 8 Tempat Kediaman (TK). Maka, Blok Pensampelan ini adalah terdiri dari 6000 TK meliputi 16 negeri di Malaysia; Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Bagi memastikan populasi sasaran mendapat peluang yang sama untuk dipilih, saiz sampel dikira mengikut persampelan bertahap iaitu pembahagian negeri, bandar dan luar bandar melalui kaedah persampelan rawak sistematik berstrata. Responden kajian ini adalah golongan belia daripada pelbagai latar belakang keluarga, bangsa, agama dan pendidikan di seluruh

Malaysia. Daripada jumlah 6000 borang soal selidik yang diedarkan melalui khidmat enumerator di setiap negeri, hanya 4,703 borang selidik yang lengkap diisi dan memenuhi kriteria kajian ini.

Perbincangan

Profil Responden

Profil demografi responden dalam Jadual 1 diterangkan mengikut jantina, umur, etnik, agama, kategori sekolah rendah, kategori sekolah menengah, kelayakan akademik tertinggi dan status. Dari segi jantina, majoriti responden adalah lelaki (55.6%) berbanding perempuan (44.4%). Seterusnya, majoriti responden berumur dalam lingkungan 21-25 tahun (29.9%), diikuti umur 15-20 tahun (21.1%), 26-30 tahun (19.9%), 36-40 tahun (15.0%) dan 31-35 tahun (14.1%). Sementara itu, dari segi etnik, Melayu mempunyai peratusan tertinggi (71.6%), diikuti Cina (12.1%), lain-lain (9.4%) dan India (7.0%). Pecahan mengikut agama pula menunjukkan sebahagian besar responden diwakili oleh orang Islam (77.6%), diikuti oleh penganut agama-agama lain iaitu Budhha (10.3%), Hindu (6.1%), Kristian (5.4%) dan lain-lain (0.7%). Dari segi latar belakang pendidikan responden, majoriti responden adalah sekolah kebangsaan (rendah) (84.8%), sekolah kebangsaan (menengah) (87.7%), pemegang diploma untuk kelayakan akademik tertinggi (49.1%). Profil status responden pula menunjukkan 27% adalah pelajar, manakala 55.6% adalah bekerja, 14.1% tidak bekerja dan selebihnya adalah responden yang bekerja sambil belajar (3.3%).

Jadual 1 Profil Demografi Responden (n=4703)

Latarbelakang		Peratus (%)
Jantina	Lelaki	55.6
	Perempuan	44.4
Umur	15-20 tahun	21.1
	21-25 tahun	29.9
	26-30 tahun	19.9
	31-35 tahun	14.1
	36-40 tahun	15.0
Etnik	Melayu	71.6
	Cina	12.1
	India	7.0
	Lain-lain	9.4
Agama	Islam	77.6
	Buddha	10.3
	Hindu	6.1
	Kristian	5.4
	Lain-lain	0.7
Kategori Sekolah Rendah	Sek. Keb.	84.8
	Sekolah Agama	2.0
	Sek. Jenis Keb. Cina/ Tamil	12.6
	Belajar Sendiri	0.3
	Lain-lain	0.3
Kategori Sekolah Menengah	Sek. Men. Keb.	87.7
	Sek. Men. Persendirian	2.7
	Sekolah Agama	5.8

	Lain-lain	3.8
Kelayakan Akademik Tertinggi	Diploma	49.1
	Sarjana Muda	41.9
	Sarjana	7.6
	Doktor Falsafah	1.4
Status	Pelajar	27.0
	Bekerja	55.6
	Tidak Bekerja	14.1
	Bekerja Sambil Belajar	3.3

Hasil Kajian

Dalam kajian ini, penyertaan merujuk kepada melibatkan diri dalam sebarang aktiviti bercorak kerohanian yang telah, sedang dan akan dijalankan. Berdasarkan Jadual 2 di bawah menunjukkan bahawa nilai min keseluruhan untuk tahap penyertaan belia Malaysia dalam program pembangunan kerohanian adalah 7.70 daripada 10 mata. Secara keseluruhannya, hasil kajian yang telah dijalankan ke atas 4,703 golongan belia Malaysia untuk mengenal pasti tahap penyertaan mereka dalam program pembangunan kerohanian berada pada tahap tinggi. Namun,

No.	Item-Item Penyertaan	Min	SP
1	Saya sedar terdapat banyak aktiviti kerohanian yang boleh disertai	8.03	1.763
2	Saya masih perlu menyertai aktiviti kerohanian untuk meningkatkan tahap kerohanian saya	8.01	1.817
3	Aktiviti kerohanian yang saya sertai memberi kesan dalam diri saya	7.68	1.841
4	Saya selalu menyertai aktiviti kerohanian (seperti kuliah agama)	7.35	1.903
Tahap Penyertaan		7.70	1.553
Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> = 0.870			

tahap penyertaan belia ini masih ada ruang untuk ditingkatkan. Ini kerana program pembangunan kerohanian sepatutnya disertai oleh lebih ramai belia Malaysia kerana program ini disasarkan khusus kepada warga belia.

Jadual 2 Item-item Penyertaan, Nilai Min dan Sisihan Piawai

Berdasarkan hasil analisis dalam Jadual 2 di atas, terdapat empat item penyertaan yang mana item yang mempunyai min yang paling tinggi iaitu 8.03 adalah “saya sedar terdapat banyak aktiviti kerohanian yang boleh diikuti”. Hasil analisis kajian ini juga mendapati item penyertaan paling rendah dengan nilai min = 7.35 ialah “saya selalu melibatkan diri dalam aktiviti kerohanian (seperti kuliah agama)”. Maka, keputusan kajian menunjukkan golongan belia sedar akan kewujudan aktiviti kerohanian yang boleh diikuti. Malah, warga belia merasakan bahawa mereka masih perlu mengikuti proram pembangunan kerohanian untuk meningkatkan tahap kerohanian mereka. Namun, apabila melibatkan penyertaan dalam program tersebut adalah kurang memberangsangkan.

Seterusnya, hasil analisis melalui ujian-t dalam Jadual 3 di bawah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap penyertaan belia Malaysia antara jantina dalam program pembangunan kerohanian. Walaupun perbezaan min antara jantina adalah rendah iaitu 0.22, namun perempuan mempunyai tahap penyertaan lebih tinggi daripada lelaki dalam program pembangunan kerohanian di Malaysia.

Jadual 3 Perbezaan Tahap Penyertaan Belia Malaysia antara Jantina dalam Program Pembangunan Kerohanian

Jantina	Min	Sisihan Piawai	Sig.
Lelaki	7.70	1.59	*0.000
Perempuan	7.92	1.48	

Nota: *aras signifikan pada 0.05.

Berdasarkan Jadual 4 di bawah, hasil analisis ujian varians (ANOVA) membuktikan bahawa umur, etnik, agama, kategori sekolah rendah dan menengah, kelayakan akademik tertinggi dan status mempunyai perbezaan tahap penyertaan pada aras signifikan 0.05 dalam program pembangunan kerohanian di kalangan belia Malaysia. Seterusnya, kajian ini menunjukkan perbezaan min yang paling tinggi untuk tahap penyertaan belia bagi kategori umur ialah belia yang berumur antara 36-40 tahun dan 31-35 tahun. Diikuti pula perbezaan min bagi kategori etnik yang paling tinggi adalah antara melayu dan cina. Ini kerana majoriti responden adalah berbangsa melayu dan diikuti berbangsa cina. Hasil dapatan kajian juga turut menunjukkan perbezaan min bagi kategori agama yang paling tinggi bagi tahap penyertaan belia dalam program pembangunan kerohanian ialah antara Islam dan lain-lain. Hal ini disebabkan oleh majoriti responden adalah beragama Islam. Selain itu, institusi-institusi keagamaan banyak menganjurkan aktiviti-aktiviti atau program keagamaan bersesuaian Islam sebagai agama rasmi persekutuan.

Dari aspek latar belakang pendidikan responden, perbezaan min yang paling tinggi untuk tahap penyertaan belia bagi kategori sekolah rendah adalah antara sekolah agama dan belajar sendiri. Manakala perbezaan min yang paling tinggi bagi kategori sekolah menengah pula adalah antara sekolah agama dan lain-lain. Hasil analisis ini telah membuktikan bahawa walaupun majoriti responden mendapat pendidikan di sekolah kebangsaan sama ada sekolah rendah mahupun menengah, namun tahap penyertaan bagi responden bersekolah agama adalah paling tinggi berbanding yang lain. Seterusnya, perbezaan min paling tinggi bagi kelayakan akademik tertinggi adalah antara pemegang Doktor Falsafah dan Sarjana Muda. Bagi kategori status pula, perbezaan min paling tinggi adalah antara belajar sambil bekerja dan tidak bekerja.

Jadual 4 Perbezaan Tahap Penyertaan Belia Malaysia antara Faktor Demografi dalam Program Pembangunan Kerohanian

Item	Sub-item	Min	Nilai F	Sig.
Umur	15-20 tahun	7.859	2.430	0.046*
	21-25 tahun	7.817		
	26-30 tahun	7.723		
	31-35 tahun	7.679		
	36-40 tahun	7.877		
Etnik	Melayu	7.951	62.487	0.000*
	Cina	7.068		
	India	7.410		
	Lain-lain	7.841		

Agama	Islam	7.954	60.299	0.000*
	Buddha	6.992		
	Hindu	7.354		
	Kristian	7.783		
	Lain-lain	6.141		
Kategori Sekolah Rendah	Sek. Keb.	7.898	38.993	0.000*
	Sekolah Agama	8.101		
	Sek. Jenis Keb. Cina/ Tamil	7.092		
	Belajar Sendiri	6.643		
	Lain-lain	7.639		
Kategori Sekolah Menengah	Sek. Men. Keb.	7.786	11.194	0.000*
	Sek. Men. Persendirian	7.740		
	Sekolah Agama	8.240		
	Lain-lain	7.419		
Kelayakan Akademik Tertinggi	Diploma	7.873	3.731	0.011*
	Sarjana Muda	7.713		
	Sarjana	8.019		
	Doktor Falsafah	8.194		
Status	Pelajar	7.827	3.316	0.019*
	Bekerja	7.796		
	Tidak Bekerja	7.679		
	Bekerja Sambil Belajar	8.094		

Nota: *aras signifikan pada 0.05.

Kesimpulan

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji tahap penyertaan belia dalam program pembangunan kerohanian di Malaysia. Berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa tahap penyertaan belia Malaysia dalam program pembangunan kerohanian adalah tinggi. Kajian menunjukkan bahawa golongan belia masih perlu untuk menyertai program pembangunan kerohanian bagi meningkatkan tahap kerohanian mereka. Ini kerana program pembangunan kerohanian merupakan medium terpenting dalam membentuk jati diri belia. Tahap kerohanian yang tinggi dalam diri individu mampu membina sahsiah yang murni dalam kalangan belia. Kajian sebelum ini telah membuktikan bahawa nilai kerohanian mempunyai kesan positif dalam hampir semua aspek kehidupan.

Golongan belia turut menyedari bahawa terdapat banyak aktiviti kerohanian yang boleh diikuti. Namun kesedaran sahaja tidak mencukupi untuk mereka terus melibatkan diri dalam program pembangunan kerohanian. Justeru, kajian ini mencadangkan supaya program pembangunan kerohanian yang dianjurkan haruslah bersesuaian dengan jiwa belia dan juga selari dengan masa atau kelapangan mereka. Justeru, tahap penyertaan belia dalam program pembangunan kerohanian ini masih mempunyai ruang untuk ditingkatkan. Oleh yang demikian, pihak penganjur program perlu mengambil tindakan proaktif dalam melaksanakan program-program yang lebih mesra belia dan sesuai dengan generasi Y untuk menarik minat mereka. Golongan belia selalunya dipengaruhi oleh idola atau selebriti yang mereka kagumi. Justeru, peranan media massa dan pihak penganjur amat penting dalam melibatkan selebriti contoh seperti Imam Muda, Ustazah Pilihan dan Dai' sebagai tarikan utama dalam meningkatkan penyertaan belia dalam program pembangunan kerohanian.

Dengan adanya program pembangunan kerohanian ini maka nilai-nilai murni seperti sabar, bersyukur, keinsafan, bekerjasama, menghargai, ehsan dan kemuliaan dapat dipupuk. Semangat kecintaan bersama dan saling menghargai bukan sahaja amalan yang amat mulia bahkan jalinan kerukunan ini adalah lambang kesejahteraan bersama. Program pembangunan kerohanian amat penting kerana generasi pada hari ini dihambat dengan pelbagai cabaran global di mana dunia maya telah merempuh semua sudut kehidupan tanpa sempadan, tempat, masa dan kepelbagaian sama ada kita suka atau tidak. Justeru, hakikatnya kesedaran dan kecintaan beragama adalah amat penting kerana melalui ajaran yang suci maka segala yang bertentangan dengan norma-norma dapat dihindarkan.

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu agensi kerajaan dan swasta membuat penilaian awal terhadap tahap penyertaan belia Malaysia dalam membuat persediaan bagi menguruskan dan melaksanakan program pembangunan kerohanian dengan lebih efektif dalam agenda pembangunan belia. Selain itu, hasil kajian ini juga dijangka dapat membantu menyediakan satu alternatif untuk meningkatkan penyertaan belia dalam program pembangunan kerohanian pada masa akan datang.

Penghargaan

Kajian ini adalah sebahagian daripada kesinambungan projek penyelidikan yang dijalankan di bawah Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS) yang bertajuk Pengurusan Aktiviti-Aktiviti Kerohanian di Kalangan Belia Malaysia (2014-2016) dan ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penyelidikan tersebut adalah salah satu projek yang berbentuk kerohanian, selain projek keusahawanan, latihan, undang-undang dan kepimpinan di bawah Program Pengurusan Potensi Belia ke Arah Pembinaan Negara Bangsa. Ucapan sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini.

Rujukan

- Aini Ahmad, & Anita Abdul Rani (2014). *Kecerdasan Kerohanian Mampu Bentuk Belia Mampan*. Diakses pada 24 April, 2015 dari <http://mycommunity.ump.edu.my/index.php/ms/news/25-knowledge-transfer-program-ktp/114-kecerdasan-kerohanian-mampu-bentuk-belia-mampan-aini-ahmad-anita-abdul-rani>
- Baharin Mesir, Aminatuzuhariah M. Abdullah, Mohd Farhan Ngatman, & Norsamsiah Muhamad@Wahab (2008). *Kajian Perlaksanaan Program-Program Kerohanian Untuk Mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Dasar Pembangunan Belia Negara* (1997). Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Diakses pada 21 Oktober, 2015 dari <http://www.ipbpm.gov.my/dokumen/DPN.pdf>
- Mohamad A'sim Ismail (2014). *Aspek Kerohanian Sebagai Elemen Jati Diri*. Diakses pada 20 Mei, 2015 dari laman web rasmi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/berita-harian>
- Mohd Isa Hamzah, Mohd Aliff Mohd Nawi, Jamil Ahmad, Ab Halim Tamuri, Amirah Ismail, & Nurul Pasihah Hassan, et al. (2012). Keberkesanan Pertubuhan Belia dalam Menyemai Jati Diri Islam. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 7, 93-104.
- Mohd Mahzan Awang, Sayuti Abd Ghani, Che Pee Saad, & Md. Sabri Adnan (2008). *Surau Sebagai Institusi Sosial ke Arah Pembangunan Insan: Kajian Kes di Institut Pengajian*

- Tinggi. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6, Anjuran Fakulti Pendidikan UKM dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak & Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, hlm 91-99.
- Mohd Zawawi Ahmad Mughni (2014). *Belia Hari Ini Wajah Negara Masa Hadapan*. Diakses pada 20 Mei, 2015 dari laman web rasmi Minda Madani <http://www.minda.madani.my/isu-semasa/item/162-belia-hari-ini-wajah-negara-masa-hadapan.html>
- Nadya Shaffinaz Bajuri (2013). Penerapan Unsur Kerohanian dalam Agenda Pembangunan Belia. *Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, Edisi 2/2013, 1-6.
- Sharifah Nooraida Wan Hasan, & Sharifah Fatimah Wan Jamel (2011). Tinjauan Keperluan Aktiviti Kerohanian dalam Kalangan Guru Pelatih Muslimah di IPG Kampus Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang*, 10, 1-13.
- Suhana Ramli, & Osman Sabran (2002). *Perlaksanaan Aktiviti Kerohanian di Kalangan Siswi Muslim: Satu Kajian di Kolej Tun Razak* (Kajian ilmiah tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Tutasting @ Rawi Nordin, Hasan Bahrom, & Abdul Hadi Mohd Salleh (2002). *Pendidikan Islam Secara Informal: Kajian Terhadap Penglibatan Belia dalam Aktiviti Keagamaan di Negeri Melaka*. Universiti Teknologi MARA, Alor Gajah, Melaka.
- Utusan Online (April 11, 2014). *Peningkatan Kes Juvana: Di Manakah Nilai Seorang Remaja?* Diakses pada 19 Oktober, 2015, dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140411/re_07/Peningkatan-kes-juvana-Dimanakah-nilai-seorang-remaja#ixzz3pAASIZLf
- Utusan Online (Julai 18, 2011). *Jenayah Libatkan Remaja, Pelajar Sekolah Semakin Meningkat*. Diakses pada 19 Oktober, 2015, dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0718&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm#ixzz3pAA716Yk